

# Dendam berbalas

HARIAN METRO 21/8/2017 P-55

Aida Adilah Mat, Mohd Fitrie  
Muhamad dan Jugjet Singh  
sukan@hmetro.com.my/  
bhsukan@bh.com.my/  
nstsport@nst.com.my

Kuala Lumpur



**K**ehadi-  
ran pe-  
nonton meme-  
nuhi Stadium  
Juara Bukit

Kiara memberi semangat luar biasa buat pemain bola jaring negara apabila misi membala dendam dua tahun akhir tercapai.

Kehadiran lebih 1,000 penonton menjadi saksi Malaysia melakarkan kemenangan selesa mengatasi musuh tradisi Singapura dengan 65-41 semalam.

Andai dua tahun lalu, skuad negara emas hanya dipisahkan dengan tiga mata apabila Malaysia tewas tipis 43-46, pada temasya kali ini skuad bimbingan Tracey Robinson membuktikan pengalaman lalu mematangkan mereka apabila mudah membelas Singapura.

Bagi ketua pasukan negara Nur Syafazliyana Mohd Ali, kemenangan itu memberi satu kepuasan yang cukup bermakna buat kem negara.

"Emas ini penting untuk kami terus melakar kemenangan seterusnya, dan diharapkan akan dapat melakarkan lebih banyak lagi kejayaan selepas ini," katanya.

Misi skuad negara seterusnya adalah mempertahankan gelaran juara Asia tahun depan selepas tidak layak beraksi di Sukan Komanwel.

Malaysia bermula garang pada babak pertama apabila

■ **Malaysia rampas emas bola jaring dari Singapura**

FOTO: SYARAFIQ ABD SAMAD



PEMAIN bola jaring negara menunjukkan pingat emas selepas mengalahkan Singapura, semalam.

## 'Hebat! Persembahan penuh semangat'

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Razak memuji kesungguhan pasukan negara bermain sebagai satu pasukan sehingga memenangi emas bola jaring, di Stadium Juara, Bukit Kiara, di sini, semalam.

Najib ketika ditemui berkata, sikap tenang pemain negara terutamanya ketika berdepan masa kritikal menyumbang kepada kejayaan menundukkan pasukan la-

wan dari Singapura itu.

"Hebat! Hebat! Persembahan penuh semangat daripada mereka (pasukan Malaysia).

"Mereka bergerak sebagai satu pasukan sehingga berjaya menjadi juara," katanya.

Turut hadir memberi sokongan, isteri beliau Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Pembangunan Wanita dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim.

### BOLA JARING

- |                     |    |
|---------------------|----|
| 1. MALAYSIA         | 65 |
| 2. Singapura        | 41 |
| 3. Thailand, Brunei |    |

menguasai 20-7 dan memasuki suku kedua, gandingan An Najwa Azizan sebagai GS (gol shooter) bersama Izyan

Syazana Mohd Wazir GA (gol attack) turus menyerlah apabila meletakkan Malaysia 24 mata di depan.

Singapura cuba mengubah rentak permainan dengan membuat pertukaran meletakkan Charmine Soh yang sebelum itu beraksi di posisi GK (gol keeper) ke posisi GS (gol shooter) pada suku ketiga bagaimanapun, ia gagal untuk menghalang skuad negara terus menguasai permainan pada suku ketiga dan keempat beraksi dengan jaringan 51-28 dan 65-41.